

Headline	EKSPEDISI SAINTIFIK MOSSY FOREST 61 penyelidik kumpul info		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	20	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	191 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,495
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,485



PENYELIDIK mengambil gambar tumbuhan yang terdapat di Mossy Forest. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

EKSPEDISI SAINTIFIK MOSSY FOREST

61 penyelidik kumpul info

Cameron Highlands: Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Mossy Forest dalam Hutan Simpan Batu Gangan Tambahan, di sini, membabitkan 61 penyelidik dilakukan bagi mengumpul maklumat kepelbagaian biologi daripada kawasan semulajadi di negara ini.

Mereka mewakili lapan universiti tempatan termasuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Ketua Ekspedisi, Prof Emeritus Datuk Dr Abdul Latiff Mohamad berkata, ekspedisi dalam Mossy Forest atau Hutan Berlumut dilakukan dengan tumpuan kajian kepada fizikal ekosistem hutan, ekologi, flora dan fauna, rekreasi, geologi, arkeologi serta sosio ekonomi.

Menurutnya, sambutan penyelidik pada ekspedisi kali ini begitu menggalakkan apabila mereka teruja

mahu membuat kajian apa yang terdapat di Mossy Forest serta kawasan Hutan Simpan Batu Gangan Tambahan yang terkenal dengan lumut serta pelbagai tumbuhan tanah tinggi lain.

“Ekspedisi selama empat hari bermula semalam (kelmarin) diharap dapat merungkai dan menemui apa terdapat di kawasan tanah tinggi itu yang kini menjadi produk pelancongan terkenal di daerah ini.

“Saya berbangga melihat kesungguhan penyelidik dalam menjayakan ekspedisi saintifik kali ini yang dianggap penting dalam usaha meletakkan Mossy Forest di kedudukan terbaik sebagai produk pelancongan bertaraf antarabangsa,” katanya.

Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Mossy Forest dianjurkan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).